

01 MAR 2002

LAJIM INGATKAN PELAJAR SABAH DAFTAR DENGAN WISMA PUTRA

KOTA KINABALU, 1 Mac (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Haji Lajim Ukin mahu ibu bapa di Sabah memastikan anak-anak mereka yang dihantar belajar di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra atau kerajaan negeri bagi membolehkan bantuan diberi segera jika mereka berhadapan dengan masalah.

"Pada masa yang sama, kerajaan dapat membantu menentukan sama ada institusi tempat mereka belajar diiktiraf oleh kerajaan Malaysia atau oleh negara tempat mereka belajar," katanya pada sidang berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu hari ini sekembalinya daripada menunaikan ibadah haji.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung langkah kerajaan mewajibkan setiap pelajar tempatan yang ingin menuntut di luar negara berdaftar dengan Wisma Putra.

Menurut Lajim dalam pertemuannya dengan pelajar Malaysia di Kaherah baru-baru ini, beliau diberitahu terdapat ramai pelajar Malaysia yang tidak berdaftar dengan Kementerian Luar.

Beliau juga memuji Lembaga Tabung Haji kerana kecekapannya menguruskan jemaah dari Malaysia.

Lajim berharap lebih ramai penduduk Sabah menunaikan haji pada usia muda.

-- BERNAMA

JS MAI